

PRU-13: Himpunan Pengundi Muda Pekan bersama PM, 4 Mei ini
Utusan Online
01 May, 2013

PEKAN 1 Mei - Para pengundi muda Parlimen Pekan yang berada di perantauan dijemput menyertai program Himpunan Pengundi Muda Pekan bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada Sabtu, 4 Mei ini.

Setiausaha UMNO Bahagian Pekan, Datuk Zainal Abidin Pa' Wan berkata, program yang merupakan acara kemuncak kempen Barisan Nasional (BN) bagi Pilihan Raya Umum ke-13 itu bermula pukul 4 petang di Dataran Pekan di sini.

"Antara lain ia bertujuan menghimpunkan semua pengundi baharu bagi Parlimen Pekan," katanya dalam satu sidang akhbar di Pejabat UMNO Pekan hari ini. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130501/px_85/PRU-13-Himpunan-Pengundi-Muda-Pekan-bersama-PM-4-Mei-ini#ixzz2ZoKycp4o